

## PM lawat astaka musabaqah membaca Al-Quran

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah (depan) melawat astaka Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Antarabangsa yang ke 24 di Stadium Merdeka, malam tadi.

Di belakangnya ialah Pengerusi Jawatankuasa Musabaqah, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mohd. Isa dan Datin Paduka Zaleha Ismail (kanan sekali).


Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri diberi taklimat berhubung dengan persiapan-persiapan yang dibuat oleh Datuk Seri Haji Kamaruddin dibilik tetamu.

Astaka kali ini berbentuk enam segi yang membawa tema "Kebersihan Asas Kesempurnaan Iman".

Dua puluh dua negara menyertai musabaqah itu yang diwakili oleh 22 qari dan sembilan qariah. Peserta terakhir yang menghantar nama ialah dari India manakala qariah dari Bangladesh pula menarik diri.

Menurut Datuk Seri Haji Kamaruddin, perbelanjaan membina astaka kali ini yang paling murah dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Astaka itu direka oleh Encik Mustapha Mohd. Salleh dari Kelantan yang kini bertugas di Jabatan Kerja Raya, Beliaululusan Institut Teknologi Mara (ITM).



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia